



SIARAN MEDIA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH-WATIKAH PELANTIKAN

IPOH, 19 Mac 2021 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkenan menyempurnakan majlis pengurniaan watikah pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah dan Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). (Senarai nama penerima watikah berkenaan boleh dirujuk pada **Lampiran A**).

1. MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Komposisi Anggota MAIPk yang dilantik adalah dari kalangan mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran masing-masing dalam memperkasakan agenda memartabatkan ummah.
2. **Pelantikan dua orang anggota MAIPk yang baharu pada hari ini terdiri dari golongan belia.** MAIPk melihat suara anak muda perlu diberi peluang dan diketengahkan dalam pembangunan ummah di negeri Perak serta mengiktiraf peranan belia sebagai pihak berkepentingan untuk turut sama membincang dasar-dasar MAIPk untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu menggalakkan, mendorong, dan membantu kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Perak.
3. **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah memberi perkenan melantik Wan Mohammad Afiq bin Wan Aris Fathillah sebagai anggota MAIPk yang baharu.** Beliau dilahirkan pada 15 Ogos 1998, berkelulusan Diploma Teknologi Maklumat dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan kini merupakan pelajar tahun akhir pangajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) di USAS. Beliau bergerak aktif di dalam pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia sejak di bangku sekolah. Pada masa ini, beliau merupakan Naib Presiden (Remaja) Gerakan Belia 4B Malaysia dan Ahli Parlimen Belia Malaysia peringkat kebangsaan dan negeri. Penglibatan beliau di peringkat persatuan universiti ialah sebagai Pengerusi Persatuan Sains, Teknologi & Multimedia. Beliau juga turut dilantik Ketua Unit Sukarelawan Projek Gerak Dakwah Perkampungan Orang Asli Pos Perwor, Kg Kelatap, Sungai Siput. Selain itu, beliau juga menjadi Ketua Program Jom Interaktif Mahabbah Ramadan 4B Malaysia peringkat kebangsaan.
4. **Selain itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak turut memberi perkenan melantik Ezatul Farita binti Rohawi.** Beliau dilahirkan pada 5 April 1988 di Kampung Sungai Sumun, Bagan Datuk, Perak. Berkelulusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Makanan (Minor Kualiti dan Keselamatan Makanan) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Kini beliau berkhidmat sebagai Eksekutif

Jaminan Kualiti di sebuah syarikat multinasional iaitu di QL Foods Sdn Bhd di Hutan Melintang, Perak. Ketokohan beliau dalam kepimpinan tesaerlah sejak dari dalam kampus apabila bergiat aktif di dalam gerakan mahasiswa bermula 2010. Beliau terpilih bersama 20 lagi pemimpin mahasiswa anak Perak menjadi ahli Majlis Perundingan Mahasiswa Perak mewakili UiTM Shah Alam. Selain pernah menjadi ahli Dewan Belia Negeri Perak bagi sesi 2017-2019, beliau juga bergiat aktif sebagai aktivis belia di dalam pertubuhan belia bersama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Terkini beliau menyandang jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi GPMS Kebangsaan, Naib Pengerusi Wanita GPMS Negeri Perak dan juga merupakan Yang Dipertua GPMS Cawangan Bagan Datuk. Beliau dianugerahkan Tokoh Aminuddin Baki oleh GPMS Negeri Perak bagi tahun 2020. Selain itu, beliau telah dianugerahkan Tokoh Penggerak Muda oleh GPMS Kebangsaan bagi dua tahun berturut-turut iaitu 2019 dan 2020. Anugerah pertama adalah Anugerah Cawangan Aktif 2019 oleh GPMS Kebangsaan, Anugerah Dr. Abdul Wahab Arif (Cawangan Terbaik) 2020 oleh GPMS Kebangsaan dan Anugerah Haji Zainal Md Nor (Cawangan Terbaik) oleh GPMS Negeri Perak pada tahun 2020.

5. Sementara itu, MAIPk turut melantik anggotanya dari kalangan wanita. Pada 12 Januari 2021 yang lalu **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah memberi perkenan melantik Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz.** Beliau, berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Undang-undang Jenayah dan Hak Asasi) 2007 (UIAM), Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) - 1993 (UIAM) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang – LL.B Syariah (Kepujian) - 1992 (UIAM), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang – LL.B (Kepujian) - 1991 (UIAM).

Beliau pernah berkhidmat dalam skim pinjaman di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mulai Julai 2014 sehingga Jun 2017 sebagai FELO UTAMA, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik. Beliau kini merupakan Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) mulai 1 September 2020. Beliau sebelum ini merupakan Profesor Madya di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan telah berkhidmat di UIAM sejak tahun 1991. Beliau turut dilantik Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Bidang pengkhususan dan kepakaran beliau termasuklah undang-undang perlembagaan, hak asasi, undang-undang Islam di Malaysia (undang-Undang Jenayah Syariah, prosedur jenayah syariah, undang-undang keterangan syariah dan pentadbiran Islam).

6. **Selain itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak turut memberi perkenan melantik Dr Aida binti Othman.** Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah *Comparative Law & Middle Eastern Studies* dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat, Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Universiti Cambridge, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama) dan Sarjana Muda Undang-Undang Islam (Syariah) (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Beliau kini merupakan rakan kongsi di Zaid Ibrahim & Co (ahli ZICO Law) dan sebagai Pengarah Urusan ZICO Shariah Advisory Services Sdn Bhd. Kepakaran dan penglibatan beliau adalah dalam perbankan dan kewangan Islam, instrumen pasaran modal Islam dan produk dan operasi takaful. Beliau juga turut terlibat memberi nasihat tentang kepatuhan dan tata kelola syariah, termasuk kerangka hukum dan peraturan kewangan Islam.

Beliau juga adalah Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan menganggotai beberapa persatuan dan jawatankuasa seperti panel Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration (KLRCA), ahli Society of Trust and Estate Practitioners (STEP), United Kingdom, ahli kumpulan kerja teknikal mengenai Etika Organisasi Perakaunan & Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) Bahrain, ahli

Jawatankuasa Syariah, HSBC Amanah Malaysia Berhad, ahli Jawatankuasa Kewangan Islam, Majlis Peguam, Malaysia, ahli Association of Shariah Advisors in Islamic Finance (ASAS) Malaysia dan ahli panel pakar Labuan International Business & Financial Centre (LIBFC).

7. Pada 12 Januari 2021 yang lalu juga, **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah memberi perkenan melantik YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im Haji Mokhtar, Hakim Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak.** Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Sarjana Undang-Undang (LLM) dari University of London, United Kingdom, Diploma dalam Undang-Undang Syariah dan Amalan (DSLPI) dari UIAM, Diploma dalam Pentadbiran dan Kehakiman Islam (DAIJ) dari UIAM dan Doktor Falsafah (PhD) Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

YAA Dato' Setia Dr. telah dilantik sebagai Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie untuk menerajui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkuat kuasa pada 1 April 2019. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), menyandang jawatan sebagai Pengarah, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di JKSM, Pendakwa Syarie Kanan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan. YAA Dato' Setia Dr. pernah dilantik sebagai *Malaysian Chevening Visiting Fellow Oxford University*, United Kingdom bagi tahun 2008/2009 dan Visiting Fellow di Harvard Law School, Harvard University, Amerika Syarikat bagi tahun 2012/2013. YAA Dato' Setia Dr. telah menerima lantikan sebagai Prof. Adjung daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkuat kuasa bagi sesi 2016 hingga kini, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkuat kuasa bagi sesi 2018 hingga 2019 dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuat kuasa bagi sesi 2018 sehingga sekarang. Seterusnya bermula 1 November 2020 hingga 31 Oktober 2021 YAA Dato' Setia Dr. turut dilantik sebagai Prof. Adjung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu dan terkini Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) turut melantik YAA Dato' Setia Dr sebagai Prof. Adjung bagi tempoh bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

YAA Dato' Setia Dr. juga telah menerima lantikan sebagai ahli dalam pelbagai jawatankuasa antaranya ialah Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bermula Mac 2019–Januari 2021, Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil 2019 sehingga sekarang, Pakar Penasihat Mualamat kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2016–2018, Ahli Panel Majlis Perunding Islam Malaysia 2016-2018, Ahli Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Tahun 2016–2017, Ahli Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah, Pengerusi Jawatankuasa Hakam 2015-2017, Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor 2015–2017, Pengerusi Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah 2015–2017, Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor dan Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Selangor 2015–2017.

8. MAIPk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima pelantikan Hakim-Hakim Syariah Negeri Perak dan anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Semoga pelantikan ini dapat mengukuhkan lagi tadbir urus hal ehwal Islam dan seterusnya memacu kemajuan ummah Islam di negeri Perak.

Diedarkan oleh:

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

5 Sya'aban 1442H / 19 Mac 2021

SENARAI PENERIMA MAJLIS PENGURUSAN WATIKAH PELANTIKAN HAKIM-HAKIM SYARIAH NEGERI PERAK DAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK	
HAKIM MAHKAMAH UTAMA SYARIAH	
1.	YABhg. Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinuddin
2.	YABhg. Tan Sri Dato' Seri Abdull Hamid bin Embong
3.	YABhg. Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim bin Lembut
HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH	
4.	YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof
5.	YA. Tuan Haji Ab. Rahman Thobroni bin Mohd Mansor
6.	YA. Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi
7.	YBhg. Dato' Haji Muhamad Asri bin Abdullah
8.	YA. Datuk Haji Mohd Radzi bin Haji Abd Latif
9.	YA. Tuan Haji Mohd Amran bin Mat Zain
10.	YA. Dato' Mohamad Shakir bin Abdul Hamid
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH	
11.	YA. Tuan Haji Mohd. Ridzuan bin Haji Yusof
KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH UTAMA SYARIAH	
12.	Tuan Muhammad Fauzi bin Uzir Abd. Wahab
ANGGOTA MAJLIS	
13.	Wan Mohammad Afiq bin Wan Arisfathillah
14.	Ezatul Farita binti Rohawi